Jika anda mengalami kerugian atas harta yang dilindungi, kami akan membayar nilai yang dilindungi atau nilai pasaran, yang mana lebih rendah, selepas menolak sebarang lebihan dan amaun yang perlu anda bayar di bawah kontrak takaful ini. Jika semasa sebarang kerugian, kerosakan atau liabiliti yang dilindungi oleh kontrak takaful ini berlaku, anda memiliki takaful/insurans lain yang melindungi kerugian, kerosakan atau liabiliti yang sama, kami tidak bertanggungjawab untuk membayar lebih dari bahagian kami.

Nilai pasaran

Untuk tujuan peruntukan ini, terma ‘nilai pasaran’ bermaksud nilai harta dilindungi semasa kerugian atau kerosakan, ditolak peruntukan untuk haus dan lusuh atau susut nilai. Kami akan mentaksirkan nilai pasaran harta dengan mendapatkan taksiran daripada pengilang/pemaju, ejen yang diberi kuasa, broker yang diberi kuasa, pengedar yang diberi kuasa atau kontraktor bangunan mengenai kos penggantian atau pembinaan semula. Kami akan menolak sejumlah amaun untuk susut nilai harta dilindungi yang rosak atau kerugian sebagaimana keadaan harta tersebut ketika peristiwa berlaku. Jika semasa kerosakan atau kerugian tidak ada pengilang/pemaju, ejen yang diberi kuasa, broker yang diberi kuasa, pengedar yang diberi kuasa atau kontraktor bangunan untuk hartanah dilindungi tersebut, kami akan mendapatkan penilaian daripada adjuster kerugian berlesen di bawah Akta Takaful 1984 atau Akta Insurans 1996 atau penilaian bebas di bawah Akta Penilai dan Pentaksir 1981, yang dilantik bersama oleh anda dan kami. Penilaian tersebut adalah bukti muktamad nilai pasaran harta dilindungi di dalam sebarang prosiding terhadap kami.

Perkara-perkara berikut akan berkuatkuasa untuk peristiwa yang berlaku semasa tempoh takaful dan tertakluk kepada had-had, pengecualian-pengecualian dan peruntukan-peruntukan kami.

Risiko yang dilindungi

Kami akan membayar tuntutan atau mengganti atau memperbaiki kerosakan yang berlaku ke atas harta dilindungi yang disebabkan oleh risiko-risiko berikut:

Risiko 1

Kebakaran, kilat, petir atau kebakaran bawah tanah.

Risiko 2

Letusan.

Risiko 3

Kapal terbang atau peralatan-peralatan udara lain atau barang yang dijatuhkan daripadanya seterusnya mengenai hartanah.

Risiko 4

Bangunan kediaman dilanggar oleh sebarang kenderaan jalanan atau haiwan yang bukan milik atau dibawah kawalan anda atau keluarga anda.

Risiko 5

Tangki air, perkakas atau paip domestik pecah atau melimpah namun tidak termasuk:

- (a) amaun kerugian pertama sehingga Ringgit Malaysia lima puluh (RM50.00);
- (b) kemusnahan atau kerosakan berlaku semasa rumah tidak dihuni.

Risiko 6

Kecurian tetapi hanya jika keganasan dan paksaan digunakan untuk memecah masuk atau keluar dari rumah (atau sebarang percubaan mencuri). Bagaimanapun, jika anda membiarkan rumah tidak dihuni selama lebih dari 90 hari pada mana-mana tempoh takaful, kami akan menggantung perlindungan untuk risiko ini untuk sebarang tempoh apabila rumah tidak dihuni selama lebih dari 90 hari.

Risiko 7

Hurikan, siklon, taufan, ribut angin (sila lihat klausa lebihan).

Risiko 8

Gempa bumi, letusan gunung berapi (sila lihat klausa lebihan).

Risiko 9

Banjir tetapi tidak termasuk kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh penenggelaman atau gelinciran tanah (sila lihat klausa lebihan).

Klausula lebihan

Untuk kerosakan atau kerugian (selain akibat kebakaran) kepada bangunan (bukan isi rumah) yang disebabkan secara langsung oleh sebarang risiko yang telah kami nyatakan di bawah klausula ini, anda perlu membayar bahagian pertama mana-mana tuntutan sehingga amaun klausula lebihan seperti dinyatakan di dalam jadual kontrak takaful ini. Klausula ini berkuatkuasa secara berasingan kepada:

- (a) setiap bangunan; dan
- (b) setiap insiden yang menyebabkan berlakunya kerosakan atau kerugian. (Untuk tujuan dinyatakan sebagai insiden, kami tidak akan menganggap ia telah berakhir sehingga risiko tersebut berlalu selama tujuh hari berturut-turut. Setelah itu barulah klausula ini berkuatkuasa untuk tuntutan baru).

Seksyen 1 – Bangunan

Kami akan melindungi anda daripada sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh risiko yang dilindungi yang berlaku ke atas bangunan anda jika ia tertera di dalam jadual kontrak takaful.

A. Klausula pemegang gadai janji (pemegang gadaian)

Jika terdapat pemegang gadai janji (pemegang gadaian) dinyatakan di dalam jadual kontrak takaful, kami akan melindungi kerugian yang disebabkan oleh sebarang tindakan atau kecuaian anda, atau menduduki rumah untuk tujuan yang lebih berbahaya daripada yang dibenarkan di bawah kontrak takaful ini dan peruntukan-peruntukan khas berikut berkuatkuasa.

Peruntukan-peruntukan khas:

- Kerugian terhad kepada amaun kepentingan pemegang gadai janji sahaja.
- Anda mesti memaklumkan kami jika terdapat sebarang prosiding atau notis jualan yang berkaitan dengan bangunan atau bangunan tersebut telah bertukar pemilik atau ia tidak lagi dihuni atau terdapat peningkatan bahaya jika bangunan tersebut dihuni, dan kami menambah makluman tersebut ke dalam kontrak takaful ini, maka anda perlu bayar sumbangan tambahan kepada kami untuk penambahan bahaya tersebut. Jika anda gagal membayar sebarang sumbangan yang perlu dibayar di bawah kontrak takaful ini, pemegang gadai janji (pemegang gadaian) perlu membayarnya. Jika anda atau pemegang gadai janji (pemegang gadaian) tidak berbuat demikian, kontrak takaful ini tidak lagi berkuatkuasa.
- Jika kami membayar kepada pemegang gadai janji (pemegang gadaian) sebarang amaun untuk kerugian atau kerosakan di bawah kontrak takaful ini, kami berhak untuk mendapat pampasan atas kerugian-kerugian tersebut. Ia tidak menjelaskan hak pemegang gadai janji (pemegang gadaian) untuk mendapatkan semula amaun penuh sebarang tuntutan yang mungkin ia miliki ke atas anda atau mana-mana pihak yang dilindungi di bawah kontrak takaful ini atau dari mana-mana dana yang ada.
- **Klausula tidak boleh batal:** Anda tidak boleh membatalkan kontrak takaful ini kecuali anda memaklumkan kepada pemegang gadai janji (pemegang gadaian) secara bertulis dan telah memberi notis 14 hari kepada mereka di alamat terakhir mereka yang diketahui.

B. Klausula nilai pembinaan semula

Jika bangunan dilindungi di bawah kontrak takaful ini musnah atau rosak, cara pengiraan amaun yang perlu kami bayar di bawah jadual kontrak takaful adalah berdasarkan kos penggantian atau pembinaan semula bangunan di tapak yang sama (atau mungkin dilakukan di tapak lain mengikut keperluan anda asalkan ia tidak meningkatkan kos kami) dengan bentuk atau jenis yang sama tetapi bukan lebih baik atau lebih besar daripada bangunan yang dilindungi semasa ia baru dibina. Bagaimanapun, peruntukan-peruntukan khas berikut berkuatkuasa.

Peruntukan-peruntukan khas:

- Kerja-kerja penggantian atau pembinaan mestilah bermula dan dijalankan dalam tempoh yang wajar dan hendaklah dilakukan dalam tempoh masa 12 bulan selepas kemusnahan atau kerosakan, atau di dalam mana-mana tempoh yang kami benarkan secara bertulis. Jika tidak, kami tidak akan membayar sebarang amaun tambahan disebabkan oleh kelewatan kerja penggantian atau pembinaan.
- Sehingga anda telah membuat pembayaran untuk mengganti atau membina semula hartanah yang musnah atau rosak tersebut, kami tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang bayaran lebih daripada yang sepatutnya kami bayar di bawah kontrak takaful ini seandainya klausula ini tidak wujud.

- Jika semasa penggantian atau pembinaan semula dibuat, amaun yang sepatutnya kami bayar untuk mengganti atau membina semula harta tanah dilindungi yang telah musnah, adalah lebih daripada nilai yang dilindungi yang akan kami bayar untuk sebarang kebakaran atau semasa permulaan kemusnahan atau kerosakan ke atas harta tanah tersebut yang disebabkan oleh risiko lain yang termasuk di dalam risiko yang kami lindungi, anda perlu membayar perbezaannya.
- Klaus ini tidak berkuatkuasa jika:
 - (a) anda gagal memaklumkan kepada kami di dalam tempoh enam bulan selepas tarikh kemusnahan atau kerosakan berlaku atau sebarang tempoh lain yang kami benarkan secara bertulis, mengenai perancangan anda untuk mengganti atau membina semula harta tanah yang telah musnah atau rosak; atau
 - (b) anda tidak mahu mengganti atau membina semula harta tanah yang telah musnah atau rosak di tapak yang sama atau berlainan.
- Kami tidak akan membuat bayaran lebih daripada yang sepatutnya kami bayar di bawah kontrak takaful ini seandainya klaus ini tidak wujud, jika semasa kemusnahan atau kerosakan berlaku ke atas harta tanah dilindungi, harta tanah tersebut dilindungi oleh takaful/insurans lain yang telah anda langgan, atau dilanggan bagi pihak anda yang mana ia tidak mempunyai dasar pembinaan semula yang sama dengan yang kami tetapkan di sini.
- Jika bangunan yang dilindungi adalah bangunan pegangan strata, dan kami bertanggungjawab ke atas sebarang bayaran (selain daripada bayaran yang mewakili kos penggantian atau pembinaan semula harta tanah yang musnah atau rosak) di bawah klaus ini, kami hanya akan membuat pembayaran sejajar dengan Akta Pegangan Strata 1985 dan Peraturan Pegangan Strata (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1988 atau sebarang pindaan di masa hadapan.

C. Pembinaan semula bangunan sejajar dengan peruntukan-peruntukan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa awam

Jika bangunan dilindungi di bawah kontrak takaful ini musnah atau rosak, kami akan melindungi kos tambahan untuk membina semula bangunan tersebut di tapak yang sama (ia boleh dilakukan sepenuhnya atau sebahagiannya di tapak lain jika dibenarkan oleh peraturan atau undang-undang kecil asalkan ia tidak meningkatkan perlindungan kami) dengan bentuk atau jenis yang sama tetapi bukan lebih baik atau lebih besar daripada harta tanah yang dilindungi semasa ia baru dibina, jika ia perlu dilakukan agar bangunan tersebut mematuhi peraturan-peraturan lain di bawah mana-mana akta kerajaan atau undang-undang kecil mana-mana majlis bandaran atau pihak berkuasa tempatan. Bagaimanapun, peruntukan-peruntukan khas berikut berkuatkuasa.

Peruntukan-peruntukan khas:

- Amaun yang akan kami bayar di bawah klaus ini tidak merangkumi yang berikut:
 - (a) Kos untuk mematuhi mana-mana peraturan atau undang-undang kecil jika:
 - i. kemusnahan atau kerosakan berlaku sebelum kami memberikan klaus ini;
 - ii. kemusnahan atau kerosakan tersebut tidak dilindungi oleh kontrak takaful;
 - iii. notis telah diserahkan kepada anda sebelum kemusnahan atau kerosakan berlaku; atau
 - iv. ia adalah untuk bangunan yang tidak rosak atau bahagian bangunan yang tidak rosak.
 - (b) Kos tambahan yang diperlukan untuk membaik pulih bangunan yang musnah atau rosak kepada keadaan yang sama seperti baru jika keperluan untuk mematuhi mana-mana peraturan atau undang-undang kecil tersebut tidak wujud.
 - (c) Amaun untuk mana-mana kadar, cukai, duti, caj taksiran pembangunan atau caj lain yang timbul daripada peningkatan nilai yang perlu dibayar untuk bangunan tersebut atau oleh pemiliknya untuk mematuhi mana-mana peraturan atau undang-undang kecil.

- Kerja-kerja penggantian atau pembinaan mestilah bermula dan dijalankan di dalam tempoh yang wajar dan hendaklah dilakukan di dalam masa 12 bulan selepas kemusnahan atau di dalam mana-mana tempoh yang kami benarkan secara bertulis.
- Jika perlindungan kami untuk sebarang perkara di dalam kontrak takaful ini dikurangkan kerana mematuhi mana-mana terma dan peruntukan kontrak takaful, kami juga akan mengurangkan perlindungan kami untuk klausa ini dengan cara yang serupa.
- Jumlah amaun yang boleh anda tuntut di bawah mana-mana perkara dalam kontrak takaful tidak boleh melebihi nilai yang dilindungi.

Seksyen 2 – Isi rumah

Kami akan melindungi anda daripada sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh risiko yang dilindungi yang berlaku ke atas isi rumah anda jika perlindungan ini tertera di dalam jadual kontrak takaful. Perlindungan untuk isi rumah termasuk:

A. Kerugian atau kerosakan pada isi rumah

Bagaimanapun

- (a) tiada mana-mana artikel boleh dianggap bernilai melebihi 5% daripada jumlah keseluruhan yang dilindungi untuk isi rumah kecuali anda telah mengisyiharkannya sebagai peralatan berasingan. Tambahan pula, untuk objek seni, lukisan, barang antik dan barang seumpamanya yang hilang, musnah atau rosak sepenuhnya disebabkan oleh mana-mana risiko yang kami lindungi, kami tidak akan membayar melebihi nilai dipersetujui (jika ada) sebagaimana dinyatakan di dalam jadual kontrak takaful;
- (b) jumlah nilai keseluruhan untuk platinum, barang emas dan perak, barang kemas dan barang kulit tidak boleh melebihi 33.3% daripada jumlah keseluruhan yang dilindungi untuk isi rumah;
- (c) seksyen ini tidak melindungi harta yang dilindungi secara spesifik seperti surat ikatan, bon, bil pertukaran, nota perjanjian, cek, sekuriti untuk wang, setem, sebarang bentuk dokumen, wang tunai, matawang asing, wang kertas, manuskrip, pingat dan wang syiling, kendaraan bermotor dan aksesori atau haiwan ternakan, kecuali dinyatakan secara khusus; dan
- (d) seksyen ini tidak melindungi kerugian atau kerosakan pada isi rumah akibat kecurian yang dilakukan oleh pembantu rumah anda atau ahli keluarga atau penghuni rumah anda.
- (e) jika mana-mana perkara dilindungi termasuk artikel yang berbentuk sepasang atau set, kami tidak akan membayar lebih daripada nilai mana-mana bahagian tertentu yang telah hilang dan kami juga tidak akan merujuk kepada mana-mana nilai istimewa yang mungkin dimiliki oleh barang tersebut dalam bentuk sepasangan atau set.

B. Isi rumah dialihkan sementara

Kami akan melindungi harta (jika harta tersebut dilindungi di kediaman) yang dialihkan buat sementara (untuk dipindahkan atau dipakai), selagi mana ia masih berada di Malaysia, daripada semua risiko (kecuali risiko 7, risiko 8 dan risiko 9), tetapi bukan untuk dijual atau dipamerkan atau disimpan di tempat simpanan perabot. Untuk tuntutan di bawah klausa ini, kami akan membayar sehingga 15% daripada jumlah keseluruhan yang dilindungi untuk isi rumah.

C. Kerosakan pada cermin

Kami akan melindungi anda daripada sebarang kerugian atau kerosakan yang berlaku pada cermin (selain daripada cermin tangan) akibat pecah sewaktu berada di dalam kediaman anda. Kami tidak akan membayar melebihi RM500 untuk setiap unit untuk mana-mana satu insiden.

D. Pampasan atas kematian anda

Jika anda ditimpa kecederaan yang membawa maut akibat kecurian atau kebakaran di dalam kediaman anda, kami akan membayar RM10,000, selagi mana kematian akibat kecederaan tersebut berlaku di dalam tempoh tiga bulan daripada kecederaan tersebut.

Jika terdapat lebih daripada seorang yang dinamakan dalam jadual kontrak takaful, kami akan melindungi setiap seorang daripada kecederaan yang membawa maut dan membahagi manfaat tersebut antara mereka.

Jika kami menerbitkan kontrak takaful ini kepada perniagaan, perlindungan ini tidak akan berkuatkuasa kecuali seseorang dinamakan secara spesifik di bawahnya.

E. Harta pekerja

Kami akan melindungi pakaian dan barang peribadi pekerja anda (selain daripada wang tunai, matawang asing, wang kertas dan setem selagi ia tidak dilindungi) sewaktu berada di dalam rumah atau mana-mana rumah lain, rumah penginapan, rumah tumpangan, hotel atau rumah persinggahan di Malaysia di mana mereka tinggal bersama anda atau mana-mana ahli keluarga yang biasanya tinggal bersama anda.

Seksyen 3 – Kemungkinan-kemungkinan lain

Kami juga akan melindungi anda daripada kerugian berikut:

A. Sewa

Akibat kerosakan teruk ke atas rumah sehingga ia tidak boleh didiami, kami akan melindungi:

- (a) sewa yang sepatutnya anda terima sebagai pemilik yang tidak menghuni premis tersebut; atau
- (b) kos tambahan yang berpatutan untuk menginap di hotel, rumah tumpangan atau rumah penginapan.

Ia hanya berkuatkuasa untuk tempoh yang diperlukan untuk memperbaiki kerosakan tersebut. Kami juga tidak akan membayar lebih daripada 10% jumlah keseluruhan yang dilindungi ke atas bangunan dan isi rumah.

Jumlah amaun yang boleh anda tuntut di bawah seksyen ini adalah tambahan kepada jumlah keseluruhan yang dilindungi untuk bangunan dan isi rumah, yang mana berkenaan.

B. Liabiliti kepada orang awam

Kami akan melindungi anda daripada semua amaun yang telah dipertanggungjawabkan ke atas anda mengikut undang-undang untuk perkara yang berikut:

- **Berkuatkuasa apabila Seksyen 1 – Bangunan dilindungi**

Sebagai pemilik bangunan – untuk kemalangan yang disebabkan oleh kerosakan di dalam bangunan atau pada kemasan dan lekapan yang dipasang oleh pemilik rumah, atau di dalam dinding, pintu pagar, pagar dan pokok-pokok di sekeliling rumah.

- **Berkuatkuasa apabila Seksyen 2 – Isi rumah dilindungi**

Sebagai penghuni rumah tersebut – untuk kemalangan di dalam atau sekitar rumah.

Kemalangan perlu berlaku semasa tempoh takaful dan menyebabkan:

- (a) kecederaan tubuh badan kepada mana-mana orang yang bukan ahli keluarga anda atau ahli rumah atau pekerja anda semasa kecederaan berlaku; atau
- (b) kerosakan pada harta yang bukan milik anda, ahli keluarga anda atau ahli rumah atau pekerja anda.

Kami tidak akan membayar melebihi Ringgit Malaysia lima puluh ribu (RM50,000) untuk mana-mana kemalangan atau beberapa kemalangan yang berpunca daripada satu peristiwa.

Kami juga akan melindungi:

- (a) kos dan perbelanjaan perundangan yang dituntut daripada anda oleh mana-mana pihak sebelum tarikh (jika ada) kami telah membayar atau menawarkan untuk membayar amaun penuh tuntutan tersebut atau jumlah amaun yang boleh dituntut untuk mana-mana satu peristiwa; dan
- (b) membayar kos dan perbelanjaan perundangan anda yang telah kami persetujui.

Apa yang tidak dilindungi

- (a) Kecederaan atau kerosakan yang timbul akibat, atau disebabkan oleh:

- i. pekerjaan atau perniagaan anda; atau
- ii. anda memiliki, mempunyai atau menggunakan sebarang lif, kenderaan, kapal, kapal terbang di dalam apa jua bentuk; atau
- iii. melakukan pengubahan, penambahan, pembaikan atau penghiasan rumah.

- (b) Liabiliti yang timbul daripada sebarang kontrak yang tidak akan anda hadapi jika kontrak tersebut tidak wujud.

Jika anda meninggal dunia, kami akan menyediakan perlindungan ini kepada wakil peribadi anda menurut terma-terma dan had-had di bawah seksyen ini. Bagaimanapun, ia hanya berkuatkuasa jika wakil peribadi anda mematuhi terma-terma dan had-had kontrak takaful ini, bila mana terma-terma dan had-had tersebut berkenaan.

Seksyen ini tidak berkuatkuasa kepada mana-mana bahagian rumah yang digunakan berkaitan dengan pekerjaan anda.

Untuk tujuan seksyen ini, kami juga akan melindungi suami atau isteri anda.

Jaminan

1. Sekatan ke atas jaminan barang jualan

Sewaktu kontrak takaful ini berkuatkuasa, anda tidak boleh menggunakan mana-mana bahagian premis untuk membuat, meninggalkan atau menyimpan barang jualan.

2. Jaminan sumbangan

Peruntukan istimewa kontrak takaful ini adalah kami mesti menerima sumbangan anda pada atau sebelum tarikh mula kontrak takaful/pengendorsan/pembaharuan kontrak takaful ini.

Jika kami tidak menerimanya, kami akan membatalkan kontrak ini dengan serta-merta dan akan menyimpan sumbangan yang diterima untuk tempoh perlindungan yang telah kami berikan.

Jika sumbangan anda diterima oleh mana-mana wakil kami yang dibenarkan, kami akan menganggap sumbangan tersebut telah diterima oleh kami untuk tujuan jaminan ini. Ia adalah tanggungjawab kami untuk membuktikan sumbangan tersebut telah diterima oleh seseorang, termasuk ejen takaful, yang tidak dibenarkan untuk menerima sumbangan jika kami berpendapat bahawa ia adalah wajar untuk berbuat demikian.

Pengecualian am

Perkara berikut berkuatkuasa untuk semua seksyen kontrak ini kecuali dinyatakan sebaliknya.

Kontrak ini tidak melindungi:

1. Sebarang kerugian, kerosakan atau perbelanjaan lain yang disebabkan oleh atau melalui mana-mana peristiwa berikut:

(a) Peperangan, rusuhan, revolusi atau peristiwa seumpamanya.

(b) Sebarang tindakan pengganas

Untuk tujuan ini, tindakan pengganas bermaksud tindakan, termasuk menggunakan kekerasan atau keganasan, atau ancaman menggunakannya, oleh mana-mana orang atau kumpulan, sama ada bertindak secara bersendirian atau bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, keagamaan, ideologi atau seumpamanya. Ia merangkumi niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan atau menyebabkan ketakutan pada orang awam atau mana-mana bahagian orang awam.

Untuk seksyen 1, 2A, 2B, 2C, 2E dan 3A, kami tidak akan melindungi sebarang kerugian, kerosakan atau perbelanjaan lain yang berlaku semasa berlakunya peristiwa di bawah pengecualian am ini (sama ada fizikal atau sebaliknya), kecuali anda boleh membuktikan bahawa kerugian, kerosakan atau peristiwa lain berlaku tanpa sebarang penglibatan daripada peristiwa yang terdapat di dalam pengecualian am ini.

Di dalam mana-mana tindakan, guaman atau prosiding di mana kami mendakwa bahawa kami tidak melindungi sebarang kerugian, kerosakan atau kontigensi lain disebabkan pengecualian am ini, anda perlu membuktikan ia adalah sebaliknya.

2. Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh:
 - (a) arahan pemberhentian kerja oleh mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa;
 - (b) harta tanah tersebut diambil, dirosakkan atau dimusnahkan secara undang-undang oleh mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa;
 - (c) harta tanah mengalami fermentasi, kepanasan secara semula jadi atau terbakar secara spontan atau melalui sebarang proses pemanasan atau pengeringan.
3. Kerugian, kerosakan atau kemungkinan lain yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh, atau timbul dari, atau diakibatkan oleh bahan senjata nuklear.
4. Kerugian, kerosakan atau kemungkinan lain yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh atau timbul dari radiasi terion atau pencemaran radioaktif dari bahan api nuklear atau dari sisa nuklear akibat pembakaran bahan api nuklear, termasuk sebarang proses selenggara-diri pembelahan nuklear.
5. Kerugian atau kerosakan kepada data atau perisian, khususnya sebarang perubahan yang memudaratkan di dalam data, perisian atau program komputer yang disebabkan oleh pemadaman, kerosakan atau pengubahan struktur asal, dan sebarang kerugian akibat perniagaan terganggu kerana kerugian atau kerosakan sedemikian. Walau apa pun pengecualian ini, kerugian atau kerosakan kepada data atau perisian akibat kerosakan fizikal bahan secara langsung, adalah dilindungi.

6. Kerugian atau kerosakan akibat daripada kerosakan fungsi, ketersediaan, pelbagai penggunaan atau akses data, perisian atau program komputer, dan apa-apa kerugian yang disebabkan oleh gangguan perniagaan akibat daripada kerugian atau kerosakan sedemikian.
7. Sebarang kerugian atau kerosakan lanjutan di dalam apa jua bentuk kecuali ia dilindungi di bawah seksyen 3A.
8. Untuk bangunan sahaja, kami tidak melindungi:
 - (a) kerugian atau kerosakan akibat hurikan, siklon, taufan atau ribut pada:
 - i. mana-mana bangunan yang sedang dibina, dibina semula atau diperbaiki melainkan semua pintu, tingkap dan bukaan luar yang lain telah lengkap dan terlindung daripada risiko tersebut; atau
 - ii. cerobong asap besi, sengkuap, bidai, papan tanda dan lain-lain kemasan atau lekapan luar termasuk pintu pagar dan pagar.
 - (b) kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh penenggelaman atau gelinciran tanah kecuali jika ia disebabkan oleh gempa bumi atau letusan gunung berapi.

Peruntukan-peruntukan am

Perkara berikut berkuatkuasa untuk keseluruhan kontrak.

1. Tuntutan

- Jika kami melanjutkan tanggungjawab kami untuk harta orang lain selain daripada anda, mereka tidak berhak membuat tuntutan di bawah kontrak takaful ini. Untuk semua kes, anda perlu menuntut untuk pihak tersebut dan kami akan membayar manfaat tersebut kepada anda. Tanggungjawab kami untuk tuntutan tersebut kemudian akan tamat.
- Anda dibenarkan menerima sehingga tiga tetamu, penginap atau penghuni berbayar tanpa menjelaskan perlindungan anda. Untuk tujuan seksyen 3B kontrak takaful ini, kami akan menganggap tetamu, penginap dan penghuni berbayar sebagai ahli rumah anda.
- Jumlah keseluruhan yang dilindungi mestilah sekurang-kurangnya nilai penuh bangunan dan isi rumah yang dilindungi. Kami tidak akan membayar lebih dari amaun yang ditunjukkan untuk setiap barang untuk jumlah keseluruhan yang dilindungi yang dinyatakan di dalam jadual kontrak takaful, atau sebarang amaun lain yang mungkin telah kami tukar di dalam memorandum yang ditandatangani oleh atau bagi pihak anda.
- Jika semasa sebarang kerugian berlaku, harta dilindungi bernilai lebih dari nilai yang dilindungi, amaun terbanyak yang akan kami bayar adalah bersamaan dengan:

$$\frac{\text{nilai yang dilindungi}}{\text{nilai harta}} = \text{X} \text{ amaun kerugian}$$

Sebarang kekurangan adalah di bawah tanggungan anda.

- Jika sebarang kerugian atau kerosakan berlaku kepada harta, anda mesti memberi notis secara bertulis dengan serta-merta dan menghantar tuntutan kepada kami dalam masa 90 hari berserta butiran dan bukti yang mungkin kami perlukan. Jika kerugian atau kerosakan disebabkan oleh kecurian atau cubaan kecurian, anda juga mesti melaporkannya kepada pihak polis dengan segera.
- Jika kami membuat keputusan untuk membina semula mana-mana bangunan, anda perlu memberikan kepada kami semua pelan, spesifikasi dan kuantiti yang kami mungkin perlukan.
- Apabila anda menyedari telah berlaku kemalangan atau tuntutan yang timbul di bawah seksyen 3B, anda mesti memberi notis bertulis kepada kami dengan serta-merta. Anda juga mesti memberikan maklumat lengkap secara bertulis dan menghantar kepada kami dengan segera sebarang writ, saman atau lain-lain proses perundangan yang dikeluarkan atau diambil terhadap anda. Anda perlu memberikan semua maklumat dan bantuan yang mungkin kami perlukan untuk berurusan dengan sebarang tuntutan atau memulakan prosiding.
- Anda tidak boleh membayar atau bersetuju untuk membayar sebarang amaun untuk memperbaiki sebarang kerosakan tanpa kebenaran bertulis kami. Anda juga tidak boleh berunding, membayar, menyelesaikan, mengakui atau menolak sebarang tuntutan tanpa kebenaran kami.
- Jika anda mengalami kerugian, kami akan mengekalkan perlindungan takaful berkuatkuasa untuk nilai penuh yang dilindungi. Anda perlu membayar sumbangan tambahan pada kadar yang dinyatakan pada kontrak takaful, yang dikira berdasarkan amaun kerugian bermula dari tarikh kerugian dialami hingga akhir tempoh takaful semasa.

2. Polisi insurans/kontrak takaful lain

- Anda mesti memberikan notis kepada kami mengenai sebarang takaful/insurans yang telah anda miliki, atau mungkin dilanggani oleh anda, untuk melindungi mana-mana harta yang telah kami lindungi. Kecuali kami telah menerima notis ini dan kami telah menambah maklumat tersebut pada kontrak takaful ini sebelum berlaku sebarang kerugian atau kerosakan, anda akan kehilangan sebarang perlindungan di bawah kontrak takaful ini untuk harta tersebut.

3. Pembatalan

- Anda boleh membatalkan kontrak takaful ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Kami akan mengembalikan sumbangan anda ditolak sebarang sumbangan jangka pendek atau sumbangan minimum. Kami juga boleh membuat pembatalan dengan memberikan notis bertulis tujuh hari kepada anda di alamat terakhir anda yang diketahui. Kami akan menyelesaikan sumbangan anda selepas mengambilkira tempoh perlindungan anda.

4. Hak kami

Kami berhak untuk mengambil tindakan berikut:

- Untuk sebarang kerugian akibat atau kerosakan pada harta dilindungi, kami berhak memasuki mana-mana bangunan di mana kerugian atau kerosakan tersebut berlaku. Kami boleh mengambil dan memindahmilik harta tersebut dan beruruskan untuk mensalvaj dengan cara yang wajar. Kontrak takaful ini (atau sebarang salinan) akan menjadi bukti ke atas hak kami. Anda tidak boleh mengabaikan mana-mana harta kepada kami untuk diuruskan.
- Kami boleh mengambil atas nama atau bagi pihak anda, sebarang prosiding (yang akan kami bayar) untuk mendapatkan pampasan atau menyerahkan tanggungjawab kepada pihak lain untuk sebarang perkara yang dilindungi oleh kontrak takaful ini.

5. Perkongsian lebihan

- Jika pada akhir tempoh takaful yang dinyatakan dalam jadual kontrak takaful, terdapat lebihan di dalam dana takaful am yang diuruskan oleh kami, kami akan berkongsi dengan anda 50% lebihan tersebut, selagi anda tidak membatalkan kontrak takaful anda atau tidak membuat sebarang tuntutan atau anda tidak pernah menerima sebarang amaun tuntutan daripada kami di bawah kontrak takaful ini.

6. Fraud (Penipuan)

- Jika sebarang tuntutan di bawah kontrak takaful ini dilakukan secara penipuan atau jika sebarang kaedah penipuan telah digunakan oleh anda atau sesiapa yang bertindak bagi pihak anda untuk mendapat sebarang manfaat di bawah kontrak takaful ini, semua manfaat akan terbatal.

7. Timbangtara

- Jika terdapat sebarang pertikaian mengenai amaun sebarang kerugian atau kerosakan, keputusan mengeninya akan dirujuk kepada wasit yang akan dilantik secara bertulis oleh anda dan kami. Jika anda dan kami tidak mencapai persetujuan untuk melantik seorang wasit dalam tempoh dua bulan selepas notis pertikaian diberikan, dua orang boleh dilantik sebagai wasit. Jika anda atau kami gagal melantik seorang wasit dalam tempoh dua bulan kalender selepas menerima notis bertulis, pihak yang satu lagi boleh melantik hanya seorang wasit. Jika wasit-wasit tidak mencapai persetujuan, seorang pengadil yang dilantik oleh kedua-dua mereka akan membuat keputusan secara bertulis. Kematian salah satu pihak yang terlibat di dalam pertikaian ini tidak menjelaskan kesahihan atau kuasa wasit atau pengadil. Jika wasit atau pengadil meninggal dunia, pengantinnya akan dilantik oleh pihak yang mereka wakili. Wasit atau pengadil akan menentukan pihak mana yang perlu membayar kos yang terlibat. Anda tidak boleh mengambil tindakan terhadap kami sehingga wasit atau pengadil telah membuat keputusan.

Notis penting kepada pemegang kontrak

Anda dinasihatkan agar membaca dengan teliti keseluruhan kontrak ini dan jika ia tidak diterbitkan selaras dengan tujuan anda, sila kembalikan kontrak ini kepada kami dengan segera untuk pindaan.

Sila simpan kontrak ini di tempat yang selamat kerana rujukan akan dibuat kepada dokumen ini untuk pengendorsan dan pembaharuan.

Sila baca peruntukan-peruntukan untuk pembayaran sumbangan yang dinyatakan di bawah seksyen jaminan am.

Untuk membuat tuntuan, sila hubungi talian Khidmat Pelanggan Careline kami di 1300-88-5055 untuk bantuan tuntutan.

Di CIMB Aviva, kami akan melakukan segala usaha kami untuk menyediakan perkhidmatan terbaik kepada pemegang kontrak kami. Sekiranya perkhidmatan kami tidak memenuhi jangkaan anda, prosedur berikut menjelaskan tindakan yang boleh anda ambil:

- Hubungan pertama haruslah bermula dengan talian Khidmat Pelanggan Careline kami di 1300-88-5055;
- Kemukakan pertanyaan di dalam talian melalui www.cimbaviva.com;
- Emel terus kepada kami di wecare@cimbaviva.com; atau
- Faks kepada kami di +603 2698 7035.

Jika anda masih tidak berpuashati dengan jawapan kami, anda boleh merujuk kepada badan bebas yang diberikuasa berikut untuk menyelia pertanyaan dan aduan awam yang berkaitan dengan perkara berkaitan takaful:

Bank Negara Malaysia

Laman Informasi Nasihat dan Khidmat ([LINK](#))
Jalan Dato' Onn
Peti Surat 10922
50929 Kuala Lumpur
Tel: (03) 2698 8044 ext 8950/8958
Faks: (03) 2691 2990
<http://www.bnm.gov.my/bnmlink/index.htm>

Biro Pengantaraan Kewangan

Aras 25
Dataran Kewangan Darul Takaful
4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur
Tel: (03) 2272 2811
Faks: (03) 2274 5752
<http://www.fmb.org.my>